

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920 / 019-3371066

KUALA LANGAT / SEPANG

Si cilik sambut merdeka

KANCHONG DARAT - Tadika Kemas Jalan Redan Kanchong Darat tidak melepaskan peluang mengadakan sambutan kemerdekaan, baru-baru ini.

Penganjur, Nor Kamal Ahmad berkata, sambutan kali ini sungguh meriah dengan perarakan dua lori yang dinaiki kanak-kanak dan ibu bapa.

Menurutnya, kebanyakan peserta menunjukkan semangat tinggi dalam membuat pertunjukan.

"Saya gembira anak kecil ini tahu erti kemerdekaan dan diharap semangat itu terus kekal," katanya.

Pelbagai aktiviti dianjurkan pada hari tersebut termasuk perarakan pelbagai kenderaan dengan persembahan kanak-kanak Tadika Kemas.



Kanak-kanak Tadika Kemas yang terlibat dalam perarakan sempena sambutan kemerdekaan.

Jadikan **PDK terbaik**

JKM Daerah Kuala Langat mahu PDK Teluk Datok bergerak aktif

BANTING - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Langat mahu Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Teluk Datok menjadi sebuah pusat pemulihan aktif.

Pegawai Kebajikan Masyarakat, Abdul Gani Jemani berkata, pemilihan PDK Teluk Datok sebagai sebuah pusat yang memberikan rawatan dan fisioterapi yang terbaik di Kuala Langat perlu digerakkan pelbagai pihak, khususnya ibu bapa.

Menurutnya, beliau mengharapkan kerjasama ibu bapa dalam memberi sokongan kepada anak yang dihantar supaya penghuni di situ dapat menjalankan pelbagai latihan dan rawatan dengan baik.

"Saya lihat PDK di sini sudah berjaya menjadikan

pusat pemulihan anak-anak kurang upaya sebagai fokus membantu mereka menjadi lebih sihat.

"Harapan kami juga adalah ingin melihat pelbagai pihak terus memberi sokongan termasuk menyumbang pelbagai kemudahan yang boleh dimanfaatkan anak PDK yang mendapatkan rawatan di sini," katanya yang hadir ke PDK Telok Datok sempena lawatan kerja Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi di PDK Teluk Datok.

Sementara itu, Daroyah berkata, beliau terharu melihat 35 anak istimewa yang tinggal di kawasan sekitar dihantar ke PDK Teluk Datok bagi mendapatkan rawatan dan fisioterapi sebaiknya.

Menurut beliau,



Daroyah beramah mesra dengan warga PDK Telok Datok.

keprihatinan ibu bapa menghantar anak istimewa mereka wajar diberi pujian.

"Waris kini ada lebih kesedaran mengenai kepentingan menghantar anak mereka ke sini (PDK).

Dalam pada itu, katanya,

kelengkapan bilik Snoozelen turut disediakan bagi melengkapkan proses rawatan di PDK berkenaan.

"Selain itu kerajaan negeri turut menyalurkan sebuah ketuhar elektrik bagi kegunaan harian PDK," katanya.